



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



PEMBINAAN JATI DIRI MUSLIM DALAM KEPIMPINAN
POLITIK TUN SAKARAN DANDAI: SATU TINJAUAN

*THE CONSTRUCTION OF MUSLIM IN LEADERSHIP OF TUN SAKARAN
DANDAI: AN OVERVIEW*

Mohd Nasrun Mohd Talib¹, Saifulazry Mokhtar^{2*}, Mohd Sohaimi Esa^{3*}, Azmin Pullong⁴

- ¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah
Email: MU1921015T@student.ums.edu.my
- ² Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my
- ³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah
Email: msohaimi@ums.edu.my
- ⁴ Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sabah (Kampus Tawau)
Email: azminpullong@uitm.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.06.2022
Revised date: 20.07.2022
Accepted date: 30.08.2022
Published date: 29.09.2022

To cite this document:

Talib, M. N. M., Mokhtar, S., Esa, M. S., & Pullong, A. (2022). Pembinaan Jati Diri Muslim Dalam Kepimpinan Politik Tun Sakaran Dandai: Satu Tinjauan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7 (29), 658-672.

DOI: 10.35631/IJLGC.729044.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kepimpinan yang berkualiti merupakan komponen penting dalam memastikan kestabilan dalam proses pembinaan jati diri bagi mencapai hasil yang diinginkan dalam melaksanakan sesuatu perkara. Tun Sakaran Dandai, adalah tokoh politik Sabah berpengaruh berasal dari daerah Semporna telah berjaya menegakkan ajaran Islam secara menyeluruh dalam kalangan masyarakat melalui kepimpinan. Penglibatan Tun Sakaran dalam kepimpinan politik pada peringkat tertinggi nyata memberi impak dari sudut pembawaan syiar Islam sehingga beliau dikenali sebagai seorang tokoh bersifat tawaduk, rendah diri dan satu-satunya pemimpin politik Sabah yang mencorak politiknya berserta dengan kekuatan agama. Di dalam penulisan ini pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu temubual bersama ahli politik, penduduk setempat yang rapat dan menganalisis dokumen melalui sumber bertulis seperti buku-buku, jurnal dan laporan bertulis. Melalui penulisan ini dapat dilihat bagaimana Tun Sakaran Dandai menerapkan nilai-nilai untuk membina jati diri muslim dalam kepimpinan yang disaluti dengan pendekatan syiar Islam. Skop utama dalam penulisan ini diteruskan dengan meninjau penjelasan tentang pendekatan dan kriteria-kriteria yang telah diaplikasikan oleh Tun Sakaran Dandai dalam membentuk jati diri muslim yang berjaya dalam kepimpinan. Justeru, hasil dapatan ini jelas membuktikan bahawa beliau merupakan contoh pemimpin politik yang berjaya membina jati diri muslim melalui kepimpinan dan perlu

diteladani oleh pemimpin-pemimpin masyarakat yang ada pada masa kini. Hal ini dilihat amat bersesuaian dengan pengamalan kepada konsep Uswatun Hasanah yang sepatutnya diterapkan secara komprehensif dalam setiap aspek kehidupan.

Kata Kunci:

Jati Diri Muslim, Kepimpinan, Politik, Sabah, Tun Sakaran Dandai.

Abstract:

Quality leadership is an important component in ensuring stability in the process of identity development to achieve the desired results in implementing something. Tun Sakaran Dandai, an influential Sabahan political figure from Semporna district has succeeded in upholding the teachings of Islam as a whole among the community through leadership. His highest level of involvement in political leadership had a real impact in terms of carrying the Islamic perspectives that has made him known as a humility (tawaduk), humble figure and the only political leader in Sabah who had shaped politics along with religious strength. In this writing, the researcher has used a qualitative method consists of one on one interviews with politicians and local residents as well as documents analysis through written sources such as books, journals and written reports. Through this writing, it can be seen how Tun Sakaran Dandai instilled values in leadership based on the approach of Islamic perspectives. The main scope of this writing is continue by reviewing the explanation of the approach and criteria that have been applied by Tun Sakaran Dandai in forming the identity of a successful Muslim in leadership. Thus, these findings clearly prove that he is an example of a political leader who has succeeded in building Muslim identity through leadership and should be emulate by community leaders today. This is seen as very in line with the practice of the concept of Uswatun Hasanah should be applied comprehensively in every aspect of life.

Keywords:

Leadership, Muslim identity, Politic, Tun Sakaran Dandai, Sabah.

Pengenalan

Kepimpinan adalah elemen yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan. Sudah menjadi fitrah manusia untuk sentiasa membentuk masyarakat dan dalam masyarakat sentiasa ada keperluan untuk seorang pemimpin. Ia dikaitkan dengan kepimpinan melalui teladan iaitu dimana seorang pemimpin mempamerkan watak dan tingkahlaku yang dapat menjadi sumber inspirasi dan role model (SaifulAzry, 2021). Pemimpin adalah orang yang memberikan visi dan matlamat. Al-Quran turut membincangkan banyak perkara berkaitan kehidupan salah satunya ialah kepimpinan. Dalam al-Quran, kepimpinan dinyatakan dalam pelbagai istilah, antaranya *khalifah*, *Imam*, dan *Uli al-Amri* (Mohd Amin, 2015). Menurut Said Hawwa, pemimpin berwibawa sentiasa mempunyai hubungan yang baik dengan Allah SWT. Amal ibadah yang berterusan perlu dilakukan untuk mencapai martabat hati yang sejahtera atau "*qalibun salim*". Manakala persepektif spiritualiti yang sejahtera pula ialah melihat kepada keperibadian manusia atau pemimpin yang dikatakan telah mencapai spiritual yang sejahtera (Dzulfida, 2020).

Kepemimpinan Islam bukan sekadar retorik melalui ucapan, teks dan wacana malah ia merupakan personaliti yang memiliki prinsip kepimpinan, nilai serta amalan kepimpinan

menepati al-Quran dan as-Sunnah Rasulullah SAW. Ciri-ciri kepemimpinan merupakan sifat yang mempengaruhi sikap, tingkah laku dan gaya kepemimpinan (Saeeda Shah, 2016). Corak kepemimpinan yang disaluti dengan nilai, mampu menyumbang kepada pembinaan jati diri seseorang individu melalui kepemimpinan berlandaskan acuan Islam yang tersusun dan manhaj yang khusus terutamanya dalam aspek akhlak dan rohani. Fahriddin Shahran menyatakan bahawa akhlak merupakan asas kepada pembinaan jati diri masyarakat. Dalam membaca dan memahami kegemilangan tamadun Islam, kita tidak seharusnya sekadar mengenang kehebatan ekonomi, geopolitik mahupun ketenteraannya, sebaliknya perlu melihat kepada aspek yang utama, iaitu akhlak (Mazlina, 2018).

Kewibawaan dan ketokohan Tun Sakaran Dandai sebagai seorang pemimpin politik negeri Sabah diakui oleh segenap pemimpin politik negeri Sabah mahupun persekutuan. Dalam kalangan pemimpin di negeri Sabah, Tun Sakaran sememangnya terkenal dengan sifat tawaduk, merendah diri, penyayang dan peramah (Emin, 2009). Rata-rata pemimpin Sabah khususnya dan rakyat Sabah amnya berpendapat sedemikian. Penjelmaan dan pengamalan sifat mahmudah atau sifat yang baik dalam diri beliau merupakan manifestasi dari ajaran agama Islam yang telah sehati dalam diri. Sifat ketekunan dan kerja bersungguh-sungguh begitu terserlah dalam dirinya sebagai seorang pemimpin politik. Penglibatan politik Tun Sakaran sebagai wakil rakyat bukanlah mudah, bermula pada tahun 1967 sehinggalah bersara dari arena politik pada tahun 1995 merupakan satu perjalanan yang telah membantunya membina jati diri dalam kepemimpinan.

Beliau telah melalui beberapa fasa yang mencabar sebagai seorang wakil rakyat daerah Semporna dengan pernah menjadi menteri dalam pentadbiran kerajaan negeri Sabah, menteri persekutuan dan kemuncak sebagai Ketua Menteri Sabah serta pernah melalui fasa wakil rakyat pembangkang dalam tempoh masa lapan belas tahun. Berbekalkan faktor didikan agama yang kuat daripada keluarga sejak kecil sehinggalah dewasa, pendekatan Islam begitu sehati dalam dirinya dan diterjemah dalam kehidupan bermasyarakat. Perjalanan beliau sebagai pemimpin daerah Semporna bermula sebagai seorang penjawat awam telah membawa sinar sehingga terlibat sebagai pemimpin politik yang memainkan peranan penting dalam arus pembangunan daerah, negeri mahupun negara. Kewibawaan Tun Sakaran mendorong beliau sebagai satu-satunya pemimpin politik yang mencorak politik berserta dengan kekuatan nilai keagamaan mendapat pengiktirafan daripada kerajaan Negeri Sabah dan kerajaan Malaysia.

Namun, hal ini hanya boleh dilaksanakan oleh mukmin yang mempunyai hati nurani yang ikhlas. Menyedari bahawa peranan nilai dan tingkah laku, ia mampu menyumbang kepada pembinaan jati diri melalui kepemimpinan. Berikut diperincikan hasil dapatan yang diperolehi menelusuri sifat keperibadian dan kewibawaan Tun Sakaran Dandai sebagai seorang pemimpin politik yang telah berjaya membuktikan pembinaan jati diri dalam kepemimpinan melalui politik sehingga berjaya menempah nama sebagai salah seorang tokoh Maal Hijrah Kebangsaan 1439H tahun 2017 yang telah menyumbang kepada pembangunan syiar Islam hasil dari curahan bakti dalam perjuangan politiknya.

Sorotan Literatur

Jati diri mempunyai hubungkait yang begitu erat dalam konteks seseorang pemimpin. Pemimpin berwibawa sentiasa mempunyai hubungan yang baik dengan Allah SWT dan menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai model kepemimpinan serta mengikuti jejak langkah khulafa' al-Rasyidin setelah kawafatan Rasulullah SAW (Abbas & Tan, 2019). Prof Dr Abdul Malik Karim Amrullah atau lebih dikenali Hamka, ada menyatakan pemimpin itu

bermaksud 'Memimpin supaya tegak. Membimbing supaya dapat berjalan, memapah supaya jangan jatuh atau menarik naik kalau sudah tergelincir jatuh. Tegak ke muka kalau bahaya datang mengancam' (Nur Syahida, 2020).

Kamarul Azmi (2007) dalam kajiannya menjelaskan bahawa Jati diri Islam merujuk kepada kefahaman terhadap hakikat diri sebagai manusia terbina daripada gabungan antara kemampuan fizikal dan kemantapan rohani atau spiritual. Kemampuan fizikal pada manusia tidak bernilai tanpa kemantapan rohani. Ia disebabkan fizikal terbentuk daripada tanah sedangkan rohani atau ruh adalah datang daripada Allah SWT. Zakaria Stapa (2012) menjelaskan jati diri membawa maksud sifat atau ciri yang unik dan istimewa sama ada dari segi adat, bahasa, budaya dan agama yang boleh menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu atau sesuatu bangsa. Jati diri atau *huwiyyah* bermaksud sifat-sifat atau ciri-ciri atau watak asli yang dimiliki oleh seseorang atau sesuatu bangsa yang membentuk identiti serta perwatakan bangsa tersebut.

Menurut Wan Mohamad (2010), jati diri merujuk kepada identiti diri yang sebenarnya atau asli yang dimiliki oleh seseorang yang bukan sahaja terlihat secara lahiriah, tetapi juga termasuk juga nilai-nilai yang menjadi pegangannya. Ia juga merujuk kepada identiti diri yang masih utuh dengan nilai-nilai adat, budaya, agama, bangsa dan negara. Jati Diri dilihat membawa ciri-ciri yang tersendiri yakni leluhur, bahasa, kebudayaan, agama dan tempat tinggal yang sama (Abdullah Hasan, 2009). Jelas bahawa agama adalah salah satu elemen penting yang membina jati diri seseorang. Tanpa panduan agama seseorang tidak akan berjaya membina jati diri yang positif. Hal ini disokong oleh Zakaria Stapa (2012) dalam kajiannya menyatakan faktor persekitaran sosial turut mempengaruhi pembentukan Jati Diri seseorang, manusia yang berada dalam persekitaran dan pendidikan yang membantunya ke arah kebaikan, maka ia akan lebih cenderung untuk menjadi golongan yang baik dan begitu juga sebaliknya.

Zakaria Stapa (2012) dalam kajiannya menyatakan Sarjana Islam dalam membincangkan berkenaan keperibadian lebih banyak menggunakan istilah *khulq* berbanding *syakhsiiyat*. Kalimah *khulq* juga terdapat di dalam al-Quran berbanding dengan kalimah *syakhsiiyat*. Mazlina (2018) menukilkan pandangan Fahrid Shahrani yang menyatakan bahawa Akhlak merupakan asas kepada pembinaan jati diri masyarakat. Dalam membaca dan memahami kegemilangan tamadun Islam, kita tidak seharusnya sekadar mengenang kehebatan ekonomi, geopolitik mahupun ketenteraannya, sebaliknya perlu melihat kepada aspek yang utama, iaitu akhlak. Ketika kekuatan lain hilang, keunggulan akhlak dan kehalusan budi kekal selamanya, bahkan menjadi tiang utama kehebatan fizikal tamadun cemerlang.

Di dalam Islam, kepimpinan adalah satu kedudukan mulia yang boleh menyelesaikan masalah manusia dan membimbing mereka kepada kebaikan kekal di sini dan akhirat. Pemimpin adalah seseorang yang membimbing dan memimpin para pengikut menjadi manusiawi. Memberi keutamaan atas kebajikan manusia, Islam mendedahkan kepimpinan sebagai kontrak psikologi di antara pemimpin dan pengikut-pengikutnya di mana pemimpin akan cuba yang terbaik untuk membimbing, melindungi dan melayan mereka dengan adil dan saksama (Monjur, 2015). Dzulfida (2020) dalam jurnalnya menukilkan penjelasan Abdullah Nashih Ulwan menyatakan tiga ciri-ciri kepemimpinan yang melahirkan pemimpin yang berwibawa iaitu *Taqwa*, *Ukhuwah* dan *Rahmah*.

Di dalam al-Quran disebutkan ciri-ciri pemimpin yang perlu dimiliki iaitu *Qawiy* (kuat) dan *al-Amin* (amanah). *Qawiy* ialah kekuatan, kemampuan dan kemahiran menjalankan tugas.

Manakala *al-Amin* ialah amanah atau bertanggungjawab serta perasaan takutkan Allah SWT dari melakukan pengkhianatan atau kecuaiian. Mohd Norzi (2019) dalam kajiannya menukikan pandangan Hasrizal Abdul Jamil yang menerangkan *Qawiy* bermaksud kekuatan, keupayaan, kemahiran dan segala yang diperlukan untuk sesuatu tugas itu dilakukan mengikut spesifikasinya. Di dalam bahasa semasa, perkataan *Qawiy* ini boleh dinilai sebagai nilai kompetensi. *Al-amin* pula merujuk kepada sifat amanah bertanggungjawab dan segala kualiti akhlak seseorang yang mudah untuk difahami sebagai nilai integriti. Dalam hal ehwal kepimpinan, kelayakan tertinggi adalah pada seseorang yang memiliki nilai integriti dan kompetensi yang sama tinggi.

Para sarjana Islam menjelaskan kepimpinan Islam yang hebat perlu meneladi setiap panduan yang terkandung dalam al-Quran dan Hadis. Mohd Norzi (2019) menyimpulkan pandangan sarjana Islam menyatakan bahawa untuk mencapai kepimpinan Islam yang berwibawa dan berwawasan tinggi, seorang pemimpin perlulah beragama Islam, berakhlak baik, berilmu, berpengaruh dan sifat berani. Islam yang dinyatakan itu adalah merujuk kepada keimanan iaitu menjaga hubungan dengan Allah dan rasul-Nya serta menjaga hubungan baik sesama manusia. Setiap perkara yang dilakukan akan dipertanggungjawabkan berdasarkan sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh ‘Abdullah ibn Umar RA:

أَلَا كُنْتُمْ رَاعٍ، وَكُنْتُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ...

Maksudnya: “Ketahuilah bahawa setiap daripada kamu adalah pemimpin, dan kamu akan ditanya berkaitan orang dibawahnya...”

[Riwayat Muslim (1829)]

Metodologi Kajian

Kajian ini bertujuan meninjau dan menganalisis kewibawaan dan ketokohan Tun Sakaran Dandai dalam perjuangan politik yang menyumbang kepada pembangunan jati diri muslim melalui kepimpinan politik. Kajian kualitatif diaplikasikan dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan dan temu bual bersama responden. Data dan maklumat yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dan disusun secara tematik. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan impak yang positif kepada generasi kini yang melibatkan diri dalam kepimpinan politik seiring dengan acuan Islam sebagai panduan.

Analisis Kandungan

Pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan melalui sumber dokumen bertulis berkaitan Tun Sakaran Dandai. Antaranya ialah Tun Sakaran: *Membina Jati Diri dalam Perjuangan Politik* (2007), Biografi Bergambar Tuan Yang Terutama Di-Pertua Negeri Sabah Tun Datuk Seri Panglima Haji Sakaran bin Dandai (1996), Biografi Tun Sakaran Dandai: *Min Rilaut Ni Bud* (2015), Tun Sakaran Dandai: *Pejuang Warisan dan Kesenian Lepa Semporna* (2015) dan Sumbangan Tun Sakaran Dandai dalam Perkembangan Islam di Semporna: *Satu Analisis* (2020). Selain itu, pengkaji turut membuat analisis terhadap beberapa kandungan dari sumber disertasi dan jurnal penyelidikan yang menerangkan berkaitan jati diri muslim, kepimpinan dan politik Islam bersandarkan daripada pandangan sarjana-sarjana Islam.

Temu Bual

Pengkaji turut menggunakan kaedah temu bual dalam menjalankan kajian ini. Pengkaji telah menemu bual beberapa orang responden dalam kalangan ahli politik antaranya Datuk Seri Panglima Mohd Shafie Apdal, ahli Parlimen Semporna (1995 sehingga kini), merupakan

setiausaha politik kepada Tun Sakaran Dandai (1991-1994), Datuk Seri Panglima Dr. Salleh Tun Said Keruak, wakil rakyat kawasan Usukan, pernah bertugas dibawah kepimpinan Tun Sakaran selaku Timbalan Ketua Menteri Sabah (Mac - Disember 1994), Datuk Seri Nasir Tun Sakaran, anak kepada Tun Sakaran, menjadi wakil rakyat kawasan Sulabayan (1990-1994) dan Senallang (1995-2018) serta pernah menyandang jawatan sebagai menteri dalam pentadbiran kerajaan negeri Sabah.

Selain daripada responden ahli politik, pengkaji turut menemu bual responden dalam kalangan penjawat awam dan penduduk kampung iaitu Datuk Dr. Hamzah Amir mantan Pengarah Percetakan Negeri Sabah dan penulis buku bertajuk *Tun Sakaran: Membina Jati Diri Dalam Perjuangan Politik*, Datuk Abdul Jamal Tun Sakaran, Pengerusi Masjid Bandaraya Kota Kinabalu, Mauludun Bullun merupakan penduduk asal kampung Lihak-Lihak Semporna dan Ismail Amir pesara kakitangan awam berasal dari Semporna. Kesemua maklumat yang diterima dianalisis dan dimasukkan dalam kajian ini.

Hasil Dapatan

Terdapat beberapa nilai-nilai yang menyumbang kepada pembinaan jati diri muslim telah dianalisis dalam perjuangan politik Tun Sakaran Dandai yang boleh dijadikan sebagai ikutan generasi kini khususnya dalam bidang kepimpinan.

Semangat Cintakan Kemerdekaan

Semangat cintakan kemerdekaan adalah satu sifat yang tertanam dalam hati sanubari Tun Sakaran. Pada awal kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957, semangat Tun Sakaran begitu membara ingin melihat tanah air sendiri merdeka dari penjajahan dan mampu mentadbir sendiri. Hal ini dibuktikan pada awal kemerdekaan Tanah Melayu, Tun Sakaran bersama beberapa orang rombongan berlayar ke Singapura, Johor dan Tanah Melayu. Rombongan yang disertainya adalah untuk melihat sendiri bagaimana Tanah Melayu merdeka hasil dari perjuangan pejuang kemerdekaan. Beliau juga turut menyelami pengalaman dan menimba ilmu yang dilalui oleh *United Malay National Organisation* (UMNO) mencapai kemerdekaan. Di samping menimba ilmu dalam pengurusan dan pentadbiran hal ehwal Islam untuk memastikan kelangsungan syiar Islam dapat disebarkan dalam masyarakat negeri Sabah khususnya di daerah Semporna (Bilcher Bala, 2015).

Semangat cintakan kemerdekaan terus membara di dalam jiwanya iaitu sejour mendapat pesanan melalui telegram daripada Tun Datu Mustapha selaku ketua penggerak kemerdekaan bagi Borneo Utara. Tun Sakaran bersama rombongan yang terdiri daripada kalangan Ketua Anak Negeri berangkat ke Kuala Lumpur untuk melawat beberapa negeri iaitu Selangor, Perak dan Pulau Pinang dan berjumpa dengan pemimpin Tanah Melayu dan berkongsi pengalaman untuk mencapai pembangunan dan kesejahteraan melalui pembentukan kerajaan sendiri. Beliau sendiri menyaksikan Tunku Abdul Rahman sebagai tokoh kemerdekaan yang berpandangan jauh ingin masyarakat bebas dari penjajahan dan berdiri membina sebuah masyarakat yang berdaya saing, membangun dan dihormati. Pengalaman yang diperolehi oleh Tun Sakaran bersama pemimpin lain hasil lawatan ke Tanah Melayu telah menyuntik semangat jati diri dalam dirinya (Bilcher Bala, 2015).

Hal ini dibuktikan setelah sekembalinya ke daerah Semporna, Tun Sakaran terus memberi penerangan dan menyuntik semangat penduduk supaya bersatu hati untuk mencapai kemerdekaan. Meskipun jiwanya begitu membara ingin melihat generasi merdeka, namun sifat anti-penjajah tidak begitu ketara memandangkan beliau berkhidmat dibawah pentadbiran

British. Kesemua gerak geri kearah membangun masyarakat Semporna dilakukan dengan penuh berhati-hati untuk memastikan perancangan dicapai dengan baik. Sebagai pemimpin daerah yang mempunyai jawatan dalam pentadbiran British digunakan sebaiknya untuk membantu masyarakat setempat dengan memberikan geran tanah, membuka penempatan baru dan menyediakan kemudahan ibadah atas dasar ingin melihat masyarakat yang membangun. Peluang ini digunakan sebaiknya untuk terus menyuntik semangat kemerdekaan dalam kalangan masyarakat. Seinggalah pada 16 September 1963, Sabah dan Sarawak bergabung dengan Tanah Melayu membentuk negara Malaysia dan bebas dari pentadbiran British (Bilcher Bala, 2015).

Perkara ini disokong melalui hasil dapatan yang diperolehi daripada Mauludun (2021) yang menyaksikan sendiri daerah Semporna merdeka hasil dari perjuangan dan usaha pemimpin Semporna yang lain diketuai oleh Tun Sakaran. Semangat nasionalisme ini membuahkan hasil apabila rakyat bersatu hati dengan penuh tekad menyokong usaha Tun Sakaran sebagai seorang pemimpin masyarakat yang banyak menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat sehingga mencapai kemerdekaan sepenuhnya. Gerak kerja ini berterusan sehingga Tun Sakaran terpilih menjadi wakil rakyat kawasan Semporna dari tahun 1967 sehingga 1995. Tanggungjawab dan peranan sebagai pemimpin sering mengingatkan tentang pentingnya kemerdekaan untuk memastikan kelangsungan pembangunan, ekonomi, pendidikan dan syiar Islam dapat berkembang dengan jayanya.

Mengutamakan Pendidikan

Pendidikan merupakan perkara yang menjadi keutamaan Tun Sakaran semenjak berkhidmat sebagai kakitangan dibawah pentadbiran British. Menyedari tentang keperluan pendidikan, beberapa percubaan memohon membina sekolah bagi tujuan meningkatkan taraf pendidikan penduduk Semporna ditolak oleh pentadbiran British. Sungguhpun sedemikian, Tun Sakaran membulatkan tekad bersepakat bergotong-royong bersama penduduk setempat membina sekolah yang dikenali sebagai Madrasah Salamah tanpa bantuan pihak British. Kesungguhan beliau membangun sekolah menjadi inspirasi penduduk setempat dan mengakui bahawa Tun Sakaran seorang pemimpin daerah yang mengutamakan pendidik ke arah melahirkan generasi berilmu.(Shauki. 2015).

Ismail Amir (2021) menceritakan pengalaman melihat sendiri Tun Sakaran bekerja sebagai wakil rakyat, beliau begitu bersungguh-sungguh menabur bakti kepada masyarakat setempat terutamanya dalam pembangunan pendidikan dan syiar Islam. Buktinya setelah negeri Sabah bergabung dengan Tanah Melayu membentuk Malaysia pada 16 September 1963, beliau berhasil mewujudkan sekolah di kawasan pulau Bum-Bum iaitu dengan terbinanya Sekolah Kebangsaan Balimbang, Sekolah Kebangsaan Bum-Bum dan Sekolah Kebangsaan Sisipan. Pembangunan sekolah di tanah besar turut dibangunkan antara sekolah yang dibangunkan iaitu Sekolah Kebangsaan Bugaya, Sekolah Menengah Kebangsaan Bugaya serta menaik taraf sekolah lama iaitu Sekolah Kebangsaan Pekan Semporna dan Sekolah Kebangsaan Bubul.

Selain itu, beliau turut membina Sekolah Agama Pekan Semporna dan menyediakan kemudahan masjid dan surau di kawasan perkampungan penduduk untuk dijadikan pusat ibadah dan menimba ilmu agama. Pembinaan semula Masjid al-Rahman daerah Semporna antara masjid pertama yang dinaik taraf dilakukan hasil usaha beliau dengan sokongan penuh daripada penduduk setempat menjadi simbol kepada pembangunan pendidikan. Perihal ilmu agama Islam begitu mendalam dan sudah sebatu dalam diri Tun Sakaran sejak usia kecil lagi

dan diterjemahkan kepada pembangunan yang menjadi keperluan masyarakat setempat. Semangat cintakan ilmu begitu mendalam sehingga dimanifestasikan dalam kepimpinannya.

Hasil temubual bersama Nasir (2022), dalam tahun 1990, Tun Sakaran dipilih oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (Tun) menyertai kabinet persekutuan dengan menyandang Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Malaysia. Peranan beliau semakin bertambah bukan sahaja menjaga keperluan di negeri Sabah, bahkan seluruh Malaysia. Dalam tempoh ini, beliau terus menabur bakti dalam aspek pendidikan di daerah Semporna apabila terbinanya sebuah kompleks dikenali sebagai Kompleks Inabah Kamal yang lengkap dengan Madrasah, Tadika Islamiyah, Maahad Tahfiz al-Quran wa al-Qiraat, Pusat Pemulihan Remaja dan membuka Kelas Pengajian al-Quran dan Fardu 'Ain di setiap perkampungan terpilih.

Selain itu, kewujudan Universiti Malaysia Sabah juga merupakan cetusan idea dan perjuangan Tun Sakaran yang inginkan negeri Sabah mempunyai universiti tersendiri. Ketika menjadi Ketua Menteri Sabah, beliau begitu konsisten memainkan peranan penting ke arah penubuhan universiti ini dan hasilnya Univerisiti Malaysia Sabah telah beroperasi sepenuhnya pada 24 November 1994 (Yusof Kassim, 2004). Kejayaan ini merupakan satu bukti dan sumbangan besar Tun Sakaran yang ingin melihat anak-anak Sabah mampu melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi yang telah lama diimpikan dan diperjuangkan oleh Bapa Kemerdekaan Sabah Tun Datu Mustapha sejak awal merdeka lagi.

Hamzah Amir (2022) menceritakan bahawa Tun Sakaran amat mementingkan pendidikan. Sebab itu antara kemudahan yang disediakan adalah pembinaan masjid dan sekolah untuk keperluan penduduk setempat. Baginya kepimpinan dengan mengambil berat perihal pendidikan menyumbang kepada pembangunan jati diri dalam diri seorang pemimpin. Setelah diberikan peranan sebagai wakil rakyat, Tun Sakaran begitu tekun melakukan tanggungjawabnya sebagai pemimpin daerah sebaiknya. Perkara ini dibuktikan sendiri melalui penjelas beliau bahawa perpegang pada prinsip bekerja dengan tekun dan bersungguh-sungguh melaksanakan amanah yang diberikan (New Sabah Times, 30 September 2002).

Kesungguhan dalam membangunkan pendidikan yang dilakukan oleh Tun Sakaran memberikan manfaat kepada masyarakat sehingga hari ini. Peranan beliau menggalas tanggungjawab sebagai pemimpin yang ingin melihat masyarakat membangun dan cakna terhadap pendidikan perlulah diteladani. Kesungguhan yang ditunjukkan oleh beliau dalam mengerjakan sesuatu perkara bersesuaian dengan saranan Rasulullah SAW melalui sabdanya:

...أَحْرِصْ عَلَى مَا يَنْفَعُكَ، وَاسْتَعِزْ بِاللَّهِ وَلَا تَعْجِزْ...

Maksudnya: ...“Utamakanlah (berusahalah) terhadap perkara yang menjamin kemanfaatanmu dan sentiasa bermohon pertolongan Allah tanpa rasa lemah semangat”...

[Riwayat Muslim (2664)]

Bersifat Sabar dan Teguh Pendirian

Perjalanan dan perjuangan Tun Sakaran dalam arena politik bukanlah jalan yang mudah. Perjalanan ke arah menceburi bidang politik bermula sebelum era merdeka lagi. Kesungguhan untuk melihat masyarakat Semporna mampu berdiri dan berdaya saing membangunkan ekonomi tanpa bergantung dengan pihak luar. Ini berdasarkan pengalaman bekerja dibawah pemerintahan penjajah yang beliau melihat sendiri kesusahan penduduk setempat. Berinspirasi semangat juang dan sabar yang tinggi, beliau terus berkhidmat sebaiknya sebagai seorang

pemimpin. Apabila parti *United Sabah National Organisation* (USNO) ditubuhkan pada tahun 1961, Tun Sakaran menyertai parti USNO sebagai wadah perjuangan politik sehingga terpilih menjadi wakil rakyat Semporna selepas pilihan raya negeri pertama diadakan pada tahun 1967.

Nasir (2022) menceritakan setelah terlibat sepenuhnya dalam dunia politik, Tun Sakaran tetap fokus meneruskan perjuangan membangunkan daerah setempat dengan menyediakan beberapa lagi kemudahan antaranya kemudahan masjid dan surau, pembinaan sekolah, hospital dan membuka tanah rancangan untuk tujuan penempatan penduduk memerlukan sifat sabar yang tinggi. Perancangan agak lancar apabila Tun Sakaran berada dalam pentadbiran negeri sebagai menteri dari tahun 1971 sehingga 1976. Namun, setelah kejatuhan USNO, landskap politik Sabah telah berubah dan perancangan untuk membangunkan daerah setempat menemui jalan berliku. Seheinggakan politik Tun Sakaran beralih arah ke peringkat nasional sebagai ahli Parlimen untuk meneruskan perjuangan membela nasib rakyat.

Pada era pemerintahan kerajaan negeri Sabah yang dipimpin Parti Berjaya (1976-1985) dan Parti Bersatu Sabah (1985-1994), politik negeri Sabah begitu berdepan dengan tekanan terutamanya wakil rakyat pembangkang. Tun Sakaran terus bersabar menjalankan amanah yang telah dipilih menjadi wakil rakyat. Mengakui begitu banyak keperluan rakyat perlu ditangani namun tidak sama sekali beliau berputus asa. Bahkan terus bekerja dan berusaha bersungguh-sungguh menjalankan tugas sebagai pemimpin. Meskipun ada tawaran untuk menyertai kerajaan pada ketika itu, semangat juang dan teguh pendirian kekal utuh bersama Tun Datu Mustapha kerana baginya satu kesalahan meninggalkan parti USNO yang menjadi wadah perjuangan dalam karier politik. Sebagai wakil rakyat perlu menjaga mandat rakyat yang memilih dirinya sebagai pemimpin (Nasir, 2022).

Menjadi wakil rakyat pembangkang dari tahun 1976 sehingga 1994, kesungguhan Tun Sakaran terus terserlah meskipun berdepan cabaran. Menurut Emin Madi (2009), Penglibatan beliau dalam Pertubuhan Islam Seluruh Sabah USIA bersama Tun Mustapha dan beberapa pemimpin lain tetap diteruskan sungguhpun berdepan dengan krisis kewangan USIA sehingga hampir dibubarkan. Perjuangan untuk memastikan pertubuhan USIA sebagai wadah perjuangannya dalam menyebarkan syiar Islam di negeri Sabah tetap utuh dengan menggembelng peranan dan tanggungjawab bersama meskipun menjalankan tugas sebagai ahli politik yang bekerja untuk rakyat. Sumbangan dan peranan Tun Sakaran dalam memastikan syiar Islam sanga besar berbekalkan nilai semangat juang yang tinggi dan sabar mendepani cabaran menjadi kunci menyumbang kepada pembinaan jati diri dalam kepimpinan (Shafie, 2022).

Sifat sabar inilah menghiasi catatan gemilang melalui sejarah peradaban Islam telah berjaya dibuktikan oleh pemimpin Islam terdahulu yang cuba diteladani oleh Tun Sakaran. Sifat ini perlu ada dalam diri seseorang yang bergelar muslim. Allah SWT telah memberikan kebaikan melalui sifat sabar, sebagaimana firman-Nya:

...إِنَّهُ مَنْ يَتَّقِ وَيَصْبِرْ فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ الْمُحْسِنِينَ ٩٠

Maksudnya: ...“Sebenarnya sesiapa yang bertaqwa dan bersabar, maka sesungguhnya Allah tidak menghilangkan pahala orang-orang yang berbuat kebaikan.”

(al-Quran, Surah Yusuf 12: 90)

Memanifestasikan Dakwah Dalam Berpolitik

Tun Sakaran merupakan pemimpin politik yang dikenal dengan sifat tawaduk dan rendah diri. Beliau merupakan orang paling kanan Tun Datu Mustapha dalam perjuangan politik parti

USNO. Beliau terkenal sebagai seorang pemimpin yang mencorak politiknya dengan kekuatan agama. Perkara ini disokong oleh salah seorang rakan politiknya iaitu Ampung Puyon (Ismail Abas, 1996) berkata bahawa:

“Tun Sakaran merupakan seorang pemimpin yang patuh pada ajaran Islam. Sekiranya Tun ternampak ada masjid, jarang sekali Tun lalu begitu saja melainkan singgah untuk menunaikan solat. Dalam bidang kemasyarakatan pula, Tun akan berasa susah hati kalau tidak dapat membantu seseorang yang datang kepadanya untuk meminta pertolongan. Sikap penyayang dan pemurah Tun bukan saja kepada keluarganya tetapi juga kepada kawan atau sesiapa saja tanpa memilih keturunan dan agama. Tun juga seorang yang kemas dalam berpakaian. Beliau amat menepati masa dalam melaksanakan tugasnya. Satu lagi sikap yang Tun miliki iaitu Tun tidak menghampakan tetamu yang datang menemuinya. Beliau sanggup duduk di pejabat sehingga malam asalkan dapat melayani tetamunya itu.”

Dalam aspek pengurusan masa, Shafie Apdal (2022) menjelaskan Tun Sakaran amat berdisiplin dan mengatur masa kerja mengikut jadual yang telah ditetapkan. Sudah menjadi kebiasaan setiap kali masuk ke pejabat beliau akan mendirikan solat sunat duha sebelum memulakan kerja. Beliau akan memastikan kerja perlu disiapkan dengan kadar segera tanpa bertangguh. Setiap kali masuk waktu solat fardu beliau akan segera mendirikan solat kemudian menyambung semula kerja. Tun Sakaran sering mengingatkan bahawa masa yang terluang perlu diisi dengan kerja-kerja yang bermanfaat supaya dapat membiasakan diri dengan perbuatan yang baik. Setiap kerja yang dilakukan merupakan satu ibadah dan perlu ditunjukkan contoh yang baik kepada orang lain suapaya menjadi satu dakwah.

Nasir (2022) pula menceritakan setiap kali dalam kempen pilihan raya, Tun Sakaran sering memperingatkan tentang solat, menjaga silaturrahim, berbudi pada tanah dan memuliakan orang. Baginya peluang berkempen berjumpa dengan rakyat perlu menyantuni dengan menyampaikan intisari ajaran agama di samping mendengar tentang keperluan mereka. Menjadi seorang pemimpin perlu menteladani Rasulullah SAW dengan menunjukkan akhlak yang baik kerana pemimpin akan menjadi ikutan oleh rakyat. Berpolitik dengan membawa mesej agama adalah satu kerja dakwah yang perlu dilaksanakan dengan lebih tersusun dan sistematik sesuai dengan keadaan setempat. Menerapkan nilai-nilai kasih sayang dalam kepimpinan mengikut acuan agama amat dititikberatkan oleh Tun Sakaran.

Dapatan maklumat daripada Shafie (2022) dan Nasir (2022) disokong melalui penjelasan Hamzah Amir (2022) yang menyatakan bahawa pendekatan politik Tun Sakaran disaluti dengan pendekatan dakwah. Menurutnya keterlibatan diri dalam kepimpinan politik merupakan satu peluang semestinya digunakan sebaiknya sebagai pentas membuktikan kemampuan diri untuk bekerja dan beramal. Dalam karyanya bertajuk *Tun Sakaran: Membina Jati Diri Dalam Perjuangan Politik* (2007) menjelaskan bahawa politik yang dibawa dengan acuan Islam dapat melahirkan kepimpinan yang hebat dan berkualiti menjadi pemangkin kemajuan masyarakat. Nilai jati diri muslim terbentuk melalui kepimpinan politik akan menjadi perhatian dan ikutan oleh masyarakat terutamanya kepada individu yang menceburkan diri dalam kepimpinan politik.

Sabihah Osman (2015) menjelaskan dalam buku *Biografi Tun Sakaran* dengan menukilkan kata-kata Tun Sakaran iaitu, sebagai Ketua Menteri, beliau sering mengingatkan dirinya supaya amanah dalam tugas, bertanggungjawab dan tidak menyimpan perasaan dendam terhadap parti lawan. Pada saat getir dan tegang, pengurusan tadbir para pemimpin Islam seperti Umar ‘abd

al-Aziz dan Salahuddin al-Ayubi menjadi contoh teladannya. Di samping beliau sentiasa mengingatkan dirinya tentang ajaran Rasulullah SAW supaya tidak menindas lawan, mengamalkan nilai-nilai murni dan kasih sayang. Sifat mulia dan nilai murni dalam kepimpinan yang diamalkan oleh Tun Sakaran adalah terarah kepada cita sempurna Islam seperti yang diteliti oleh Syed Hussein al-Attas dalam buku '*Cita Sempurna Warisan Sejarah*'.

Perjuangan politik Tun Sakaran dengan memanasikan dakwah yang menjadi paksi secara tidak langsung menyambung kepada pembinaan jati diri muslim dalam kepimpinan. Ia bersesuaian dengan kenyataan Zuhaili Saiman (2020) yang menukikan pandangan seorang cendekiawan Islam Syeikh Abu Hasan 'Ali an-Nadwi yang mendefinisi khalifah dan peranannya yang dimaksudkan ialah:

إقامة / حراسة الدين وسياسة الدنيا به

Bermaksud: "Mendirikan atau menjaga agama dan mengurus dunia dengannya (panduan agama)."

Mendampingi Ulama dan Memuliakan

Sifat dan tingkah laku suka berdampingan dengan ulama dan memuliakan mereka begitu terserlah dalam diri Tun Sakaran. Perkara ini sudah begitu sebatu dalam dirinya hasil didikan agama yang kuat oleh keluarga sejak usia kecil lagi. Kesibukan Tun Sakaran terlibat dalam dunia kepimpinan bukan penghalang untuk beliau menimba ilmu dengan para ilmun. Di Semporna, ada beberapa pendakwah yang menjadi guru beliau untuk belajar mengaji al-Quran dan mendalam ilmu fikah semasa usia muda antaranya Imam Astawi bin Asnawi, Imam Tadan, Imam Salipun, Imam Baki, Habib Jaafar, Khatib Andung, Sulung Muhammad Nafis, Imam Tanding, Ustaz Abd Razak dan Syeikh Abdul Rahman Yamani, Sheikh Ahmad Sarawak dan Ustaz Said al-Attas. Kesemua guru-guru beliau ini kebanyakan bekerja sebagai peniaga yang datang dari luar daerah (Muhammad Shauki 2015).

Salah seorang guru beliau iaitu Ustaz Said al-Attas telah diberikan peranan penting oleh Tun Sakaran menjadi guru besar di sekolah agama Semporna yang didirikan pada awal tahun 1960-an. Peranan yang diberikan oleh beliau adalah untuk memastikan anak-anak muda daerah Semporna dapat menimba ilmu agama daripada beliau. Tun Sakaran sebagai wakil rakyat memainkan peranan penting mengambil berat tentang pendidikan agama untuk disampaikan kepada masyarakat. Setiap bulan beliau sendiri akan memberi gaji dan menyediakan keperluan kebajikan kepada Ustaz Said al-Attas dan semua guru yang mengajar di sekolah agama tersebut. Ada suatu ketika beliau tidak rasa malu untuk turut sama belajar menimba ilmu dan bertanya persoalan berkaitan agama kepada gurunya (Ismail, 2021).

Sepanjang menjadi wakil rakyat juga, beliau sering berziarah dan berjumpa dengan para agamawan yang ada di negeri Sabah. Perkara ini diceritakan oleh Jamal (2020) bahawa Tun Sakaran sering berziarah ke rumah Tuan Guru Haji Ghulam Hassan atau dikenali dengan Tuan Guru Haji Muda di daerah Lahad Datu. Beliau sering berkunjung bersama Tun Datu Datu Mustapha dan beberapa pemimpin politik USNO yang lain diluar waktu tugas politik. Kebiasaannya Tun Sakaran sering bertanya isu-isu agama dan mendapatkan nasihat dan pandangan daripada Tuan Guru Haji Muda untuk memastikan syiar Islam terus terpelihara dan subur dalam masyarakat. Meskipun begitu, beliau sempat berguru dan menimba ilmu daripada

Tuan Guru Haji Muda mendalami ilmu agama dalam tempoh masa beberapa waktu serta menjaga kebajikan sebagai tanda penghargaan atas curahan ilmu yang diajarkan.

Pada tahun 1970-an juga, ulama tersohor Nusantara bernama Haji Abdul Malik Karim Abdullah yang dikenali sebagai Hamka pernah mengadakan kunjungan ke negeri Sabah yang disambut oleh pemimpin-pemimpin kerajaan negeri. Tun Sakaran salah seorang pemimpin yang berkhidmat sepenuhnya menyambut kedatangan Hamka dengan mengiringi dan memayunngi Hamka berdasarkan potret yang disimpan. Jamal (2020) menceritakan bahawa beliau turut mengundang Hamka bersama isterinya untuk berkunjung ke kediamannya di Kampung Likas, Kota Kinabalu dan sempat meluangkan masa mendapatkan nasihat, pandangan serta bertanya persoalan berkaitan hal ehwal agama. Sifat suka berdampingan dengan ulama merupakan satu sifat yang dimiliki oleh Tun Sakaran sejak dari usia muda lagi hasil didikan agama daripada ibu bapa sehinggalah bergelar seorang pemimpin.

Kejatuhan kerajaan USNO pada tahun 1976 telah menunjukkan landskap politik Sabah berubah. Dalam kesibukan mengharungi suasana politik yang mencabar ketika itu, Tun Sakaran tidak lupa untuk meluangkan masa menimba ilmu. Peristiwa ini dibuktikan pada tahun 1977, Tun Sakaran telah bertaaruf dan berguru dengan seorang ulama tersohor Indonesia bernama Sheikh Ahmad Sohibil Wafa Tajul Arifin atau dikenali dengan gelaran Abah Anom. Waktu itu Tun Sakaran masih bergelar wakil rakyat Semporna sebagai pembangkang dan bukan lagi di pihak kerajaan. Kesempatan yang ada menjadikan dirinya kuat mencari guru untuk menambah lagi ilmu pengetahuan di samping meningkat semangat untuk meneruskan perjuangan dalam politik (Jamal, 2020).

Menurut Abu Masykur (2021), sifat suka berdampingan dengan ilmuan begitu terserlah dalam diri Tun Sakaran setelah sekembalinya dari Suryalaya, Indonesia. Buktinya beliau telah membawa beberapa orang ustaz dari Indonesia untuk mengajar ilmu agama di Semporna dan rata-rata mereka bertugas di Kompleks Inabah Kamal yang menyediakan kemudahan mengajar milik Tun Sakaran sendiri. Kebajikan dan prasarana ditanggung sepenuhnya oleh Tun Sakaran. Walaupun bergelar seorang pemimpin, beliau sering mendampingi mereka walaupun mereka berusia muda, bukan penghalang untuk beliau bertanya isu-isu berkaitan agama dan belajar daripada mereka. Sifat rendah diri dan meletakkan dirinya sama seperti orang biasa menyebabkan beliau pemimpin yang mudah didekati. Sehingga kini kompleks ini menjadi pusat ibadah dan menimba ilmu oleh masyarakat Semporna.

Sifat dan tingkah laku ini berterusan dilakukan oleh Tun Sakaran sehinggalah bersara dari politik. Baginya ilmu perlu dipelajari tanpa mengira usia dan latar belakang diri menjadi satu keperluan meningkatkan jati diri dalam kepimpinan (Abu Masykur, 2021). Oleh sebab itu Islam mengajar umatnya supaya menghormati guru dan amat menggalakkan umatnya untuk menuntut ilmu serta berdamping dengan para alim ulama. Hal ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Darda' RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

وَإِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ ، وَإِنَّ الْأَنْبِيَاءَ ، لَمْ يُوْرَثُوا دِيْنَارًا ، وَلَا دِرْهَمًا ، إِنَّمَا وَرَثُوا الْعِلْمَ ، فَمَنْ أَخَذَهُ أَخَذَ بِحِطِّ وَافِرٍ.

Maksudnya: “Dan sesungguhnya ulama’ adalah pewaris para nabi. Sungguhpun para nabi tidak mewariskan dinar atau dirham tetapi mereka telah mewariskan ilmu. Barangsiapa yang mengambil warisan tersebut maka dia telah mengambil bahagian yang banyak.”

Anugerah dan Pengiktirafan

Sumbangan dan kejayaan Tun Sakaran Dandai dalam kepimpinan mendapat pengiktirafan dari Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Persekutuan. Tun Sakaran Dandai telah terpilih dan dianugerahkan oleh kerajaan negeri sebagai Tokoh Maal Hijrah 1429H Negeri Sabah pada tahun 2008 yang disampaikan oleh Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Musa Aman dan pengiktirafan daripada Kerajaan Malaysia serta dipilih menjadi Tokoh Maal Hijrah 1439H bagi Peringkat Kebangsaan pada tahun 2017 yang disampaikan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak. Anugerah dan pengiktirafan ini diberikan atas kejayaan beliau memberi khidmat dan sumbangan besar dalam perkembangan syiar Islam serta menyatu padukan rakyat berbilang kaum di negeri Sabah di samping keterlibatan beliau dalam urusan hal ehwal Islam di peringkat Nasional dan Antarabangsa yang diiktiraf pelbagai pihak (Rohaniza & M Azrone, 2017). Beliau merupakan tokoh pertama dari negeri Sabah yang menerima anugerah Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan. Pengiktirafan yang diterima telah melayakkan beliau diberi gelaran sebagai 'Bapa Pembangunan Modal Insan Negeri Sabah' yang berjaya membuktikan pembinaan jati diri muslim dalam kepimpinan politik (Salleh Said, 2021).

Kesimpulan

Tun Sakaran Dandai berjaya menunjukkan bahawa penglibatan diri dalam kepimpinan politik mampu membina jati diri muslim yang berwibawa. Penglibatan beliau sepenuhnya dalam kepimpinan politik telah membolehkan dirinya menerapkan nilai-nilai Islam yang telah diajar oleh Rasulullah SAW sebagai satu panduan dalam memimpin di samping menyampaikan mesej Islam melalui sifat dan keperibadian serta tingkah laku. Peranan sebagai seorang tokoh politik yang menjadi pengemudi utama dalam Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) membuktikan beliau seorang tokoh politik yang berwawasan membawa syiar Islam ke peringkat tertinggi sehingga menempah nama sebagai penerima Tokoh Maal Hijrah Negeri Sabah 1429H tahun 2008 dan Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan 1439H tahun 2017. Kejayaan beliau memimpin dengan mencorak politik berserta dengan kekuatan agama merupakan satu *Uswatun Hasanah* (tauladan baik) yang perlu menjadi ikutan oleh semua pemimpin masyarakat. Walaupun begitu, kajian berkaitan ketokohan Tun Sakaran Dandai dari aspek pemikiran, kepimpinan politik, kemasyarakatan mahupun agama perlu dipergiatkan lagi agar ketokohan dan kewibawaan beliau dapat diperluas pada peringkat akademik supaya dikenali dalam kalangan rakyat Sabah serta rakyat Malaysia.

Penghargaan

Manuskrip ini diterbitkan melalui sebahagian dari dana Geran Penerbitan dari Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd iaitu Kod Geran TLS2109 yang bertajuk *Modern Trends in Social Sciences*.

Rujukan

Al-Quran.

Abbas, D., & Tan, C. (2019). Transformational Islamic Leadership: A Case Study From Singapore. *Global Perspectives on Teaching and Learning Paths in Islamic Education*, (August), 76–91.

Abdullah Hassan. 2009. Bahasa Melayu di persimpangan: Antara jati diri dengan rempuhan globalisasi. *Jurnal Kemanusiaan* 16(2009): 59-81.

- Abî Dawud Sulaiman bin al-Asy^cash al-Azdi al-Sijastanî 1430H/2009M. *Sunan Abî Dawud-Tahqiq Shu^caib al-Arnout*. Syria: Dar al-Risâlah wa al-^cAlamiyah.
- al-Naysaburi. Abi al-Hasan Muslim al-Hajjaj al-Kusyairi. 1427H/2006M. *Shahih Muslim: al-Musnad al-Shahih al-Mukhtasar Min Sunani Binaqli al-^cAdli^c an al-^cAdli Ila Rasulillah*. Riyadh-Arab Saudi: Dar al-Toibah Linnasyri wa al-Tauzi^ci.
- Berita Harian. Mazlina Ismail. (2018). *Akhlaq asas bentuk jati diri masyarakat*. 24 April 2018.
- Berita Harian. Rohaniza Idris & Mohd Azrone Sarabatine. (2017). *Sakaran Dipilih Tokoh Maal Hijrah*. Berita Harian. 22 September 2017.
- Bilcher Bala. (2015). *Biografi Tun Sakaran Dandai: Min Rilaut Ni Bud*. Universiti Malaysia Sabah. 33-52.
- Dzulfida A.Razak, Muhammad Nasri Md. Hussain & Abdullah Abdul Ghani. (2020). Ciri-Ciri Kepimpinan Islam, Hubungannya Terhadap Komitmen Organisasi. *International Journal of Modern Trends in Business Research (IJMTBR)*, 3(13), 1 – 15.
- Emin Madi. (2009). *Sinar Perjuangan USIA*. Kota Kinabalu: Pertubuhan Islam Seluruh Sabah.
- Hamzah Amir & Chacho Bulah (ed). (2007). *Tun Sakaran Dandai: Membina Jati Diri dalam Perjuangan Politik*. Kota Kinabalu: Jabatan Cetak Kerajaan.
- Harakah Daily.(2020). Ustaz Dr. Muhamad Zuhaili Dr Hj Saiman. *Islam dan Politik*. 21 Januari 2020.
- Ismail Abas et al, (1996). *Biografi bergambar Tun Datuk Seri Panglima Haji Sakaran bin Dandai*. Kota Kinabalu: Holijaya Sdn. Bhd.
- Ismail Ali & Mohd Sohaimi Esa. (2015). *Tun Sakaran Dandai: Pejuang Warisan dan Kesenian Lepa Semporna*. Universiti Malaysia Sabah.
- Kamarul Arifin Jasni. (2007). Menyemai Unsur Jatidiri Islam di Kalangan Pelajar Pra Universiti atau Matrikulasi in *Seminar Pendidikan Pra Universiti/Matrikulasi* at Hotel Hilton, Petaling Jaya on 4-5 Ogos 2007, Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya. 39-42.
- Mohamad Shaukhi Md Radzi. (2015). *Biografi Tun Sakaran Dandai Min Rilaut Ni But*. Universiti Malaysia Sabah. 53-68.
- Mohd Amin. (2015). *Kepemimpinan Dalam Perspektif Al-Qur'an* (Pandangan Sa'id Hawwa Dalam Al-Asâs Fî Al-Tafsîr Dan Triloginya). Institut Perguruan Tinggi Ilmu Al-Quran, Jakarta, Indonesia.
- Mohd Nasrun Mohd Talib & Saifulazry Mokhtar. (2020). Sumbangan Tun Sakaran Dandai Dalam Perkembangan Dakwah di Daerah Semporna, Sabah: Satu Analisis. *E-Proceeding of the International Conference on Education, Social Sciences & Technology*, 3-4 December 2020. 225-231.
- Mohd Norzi Bin Nasir & Salwa Binti Muhamad. (2019). Sifat Qawiy Al-Amin Dalam Kepimpinan Almarhum Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat. *5th International Seminar On Islamiyyat Studies (IRSYAD 2019)*.
- Mohd Yusof Kassim. (2004). *Teks Ucapan Naib Canselor, Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah kali ke-6*. Sejarah Seorang Perjuangan: Tun Sakaran Dandai. Universiti Malaysia Sabah.
- New Sabah Times*, 30 September 2002.
- Sabihah Osman. (2015). *Biografi Tun Sakaran Dandai: Min Rilaut Ni Bud*. Universiti Malaysia Sabah.1-8.
- Saeeda Shah. (2016). *Education, Leadership and Islam, Theories, discourses and practices from an Islamic perspective*. New York: Routledge, Taylor & Francis Group.
- Saifulazry Mokhtar, Irma Wani Othman, Mohd Azri Ibrahim, Mohd Sohaimi Esa, Azlan Syafie Abdullah @ Raymond Majumah, Muhammad Safuan Yusof & Romzi Ationg. (2021). Implementasi Kepimpinan Transformasi Dalam Kalangan Pentadbir Sekolah

Di Daerah Sandakan: Satu Tinjauan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*. 202-216.

- Wan Mohamad Sheikh Abdul Aziz. (2010). Strategi, kaedah dan pelaksanaan dakwah dalam membina jati diri kebangsaan. Mohd. Yusof Othman (pnyt.). *Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islam Hadhari*, hlm. 85-96. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Siti Aishah Suhaimi. (2012). Islam Dan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu (Islam And The Formation Of Malay Ethnic Identity). Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012). 143-154.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. (2012). Faktor Persekitaran Sosial Dan Hubungannya dengan Pembentukan Jati Diri (Social Environmental Factors and Their Relation to Identity Formation). Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012). 155-172.

Temu Bual

1. Abdul Jamal bin Tun Sakaran. 30 Ogos 2020. Masjid Bandaraya Likas Kota Kinabalu, Sabah.
2. Abu Masykur bin Arifin. 24 Jun 2020. Taman Miramas Semporna, Sabah.
3. Hamzah bin Amir. 07.01.2022. Taman Seri Gaya, No 14, Jalan Sri Gaya 88200 Kota Kinabalu, Sabah. Kembali ke rahmatullah pada 17 Mei 2022.
4. Ismail bin Amir. 02.02. 2022. Kampung Bubul Jalan Airport, 91300 Semporna, Sabah.
5. Mauludun bin Bullun. 30.10.2021. Kampung Lihak-Lihak Semporna, Sabah. Kembali ke rahmatullah pada 01 Januari 2022.
6. Mohd Shafie bin Apdal. 22.01.2022. Kediaman Rasmi Taman Golf View, Jalan Luyang. 88200 Kota Kinabalu, Sabah.
7. Nasir bin Tun Sakaran. 11.01.2022. Kediaman Rasmi, Taman Tai Tet 213, Jalan Tuaran-KK, 88200 Kota Kinabalu, Sabah.
8. Salleh bin Said Keruak. 21.12.2021. Kediaman Rasmi, No 4 Taman Likas, 88200 Kota Kinabalu, Sabah.